

Headline	Lawan derita dengan sikap positif		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Jun 2012	Color	Black/white
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	v11	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	228 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,682
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,046



## Lawan derita dengan sikap positif

**S**EGALA cinta dan rasa percaya pada suami bagaikan terhempas ke batu sejurus diri disahkan positif HIV. Suami yang sepatutnya bertanggungjawab menjaga diri dan anak, rupa-rupanya mendaratkan lebih banyak kemudaratan daripada kebahagiaan.

Mahu dikenali sebagai Along, wanita muda berusia 25 tahun ini berkahwin pada usia 19 tahun dan tinggal bersama keluarga mentua di Tanjung Karang, Selangor.

Kenikmatan berumah tangga yang dikecapinya tidak lama kerana selepas bapa mentuanya meninggal dunia, si suami mula berubah sikap

dan enggan bekerja. Along yang ketika itu baru melahirkan anak perempuan, kini lima tahun, terpaksa hidup dalam keperitan kerana rumah usang mentuanya itu turut dihuni ipar duai lain.

"Suami mula tidak pulang ke rumah, jadi ibu mentua yang banyak mengeluarkan perbelanjaan rumah. Kami hanya mampu makan sehari sekali kerana semuanya perlu dicatu. Apabila suami pulang, biasanya hanya RM10 diberikan untuk dibuat belanja selama sebulan. Hidup kami amat perit tapi saya bersyukur kerana ibu mentua sudi membantu walaupun keadaannya juga

sama seperti kami," katanya. Suami Along mula bersikap panas baran dengan memukulnya sehingga lebam dan berdarah di kepala. Perangai buruk suaminya juga mula terbongkar apabila si suami memberitahu dia mempunyai wanita lain dan sering keluar rumah untuk melanggan pelacur.

"Tiada lagi rasa kecewa tapi lebih kepada marah kerana dia mensia-siakan hidup saya. Keadaan lebih buruk apabila dia mula memukul saya di depan anak hinggalah dia takut untuk mendekati bapanya.

"Suami juga mula berani menunjukkan teman wanitan-

ya pada saya hinggalah saya nekad mencari peluang untuk meninggalkan rumah itu," katanya.

Peluang muncul apabila Along diajak rakannya menyertai seminar keusahawanan kelolaan Norlela di bandar berhampiran. Terlebih dulu, Along pernah menjalani rawatan susulan di hospital ketika mengandung dan doktor mengatakan dirinya positif HIV.

"Pengetahuan saya mengenai HIV dan Aids ketika itu amat cetek, jadi saya tidak begitu peduli dengan rawatan dan ubatan yang diberikan doktor. Apa yang saya tahu, hanya saya yang positif HIV dan anak bebas daripada penyakit itu.

"Lokasi rumah yang jauh

dengan hospital juga menyukarkan saya untuk teruskan rawatan. Pada masa sama, berat badan saya makin susut dan diri mula tak bermaya. Ketika itulah saya mengikut seorang rakan ke seminar terbabit dan bertemu Norlela. "Perbualan kami di seminar itu tidak lama tapi Norlela hubungi saya untuk membantu berpindah ke rumah perlindungan di Sungai Buloh ini," jelasnya.

Along memberitahu perkara ini kepada ibu mentuanya tanpa pengetahuan suami, lalu ibu mentuanya terus membawa Along ke rumah itu. Kini, Along dalam proses memohon perceraian dan hidupnya lebih gembira sejak berada di rumah itu.

"Hidup saya lebih tenang dan saya juga sudah mula bekerja di kedai berhampiran. Jika dulu, suami langsung tak beri keluar rumah tapi kini saya boleh menentukan masa depan anak saya.

"Bagi saya, HIV bukan penghalang untuk saya berdikari dan membesarkan anak. Saya lega kerana ibu faham dengan keadaan saya malah keluarga mentua juga banyak membantu.

"Saya langsung tidak berasa HIV menyukarkan kehidupan saya. Saya berhak hidup seperti dulu dan itulah yang akan saya lakukan selepas ini. Saya merancang belajar memandu tidak lama lagi dan ingin aktif dalam dunia perniagaan," katanya.